

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan dalam pembinaan Fiqh Ta'amul sebagai kerangka memperkukuhkan hubungan antara penganut agama di Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL
AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian serius terhadap persefahaman dan keharmonian seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira batas kaum dan agama bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Bagi memastikan kestabilan ini tercapai, antara inisiatif yang dilaksanakan ialah;

- a) Kajian Pembinaan Kerangka Fiqh Taamul (interaksi) Antara Penganut Agama di Malaysia telah dilaksanakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Hasil kajian tersebut telah

NO. SOALAN : 41

- menerbitkan sebuah buku berjudul 'Islam dan Hubungan antara Penganut Agama'. Kajian ini diteruskan dengan memberi fokus kepada pembinaan 'Garis Panduan Dialog Antara Penganut Agama' dan akan digunakan sebagai panduan asas dalam menggerakkan usaha memperkukuhkan hubungan antara penganut agama di Malaysia apabila siap kelak.
- b) Selain dari itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI), menggantikan Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah diwujudkan sejak tahun 2010 sebagai usaha untuk meneruskan perbincangan dan perundingan terhadap sesuatu isu yang melibatkan pemimpin-pemimpin agama bagi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.
 - c) Kerajaan tetap meneruskan serta akan menggiatkan lagi usaha bagi meneruskan program-program sedia ada menggunakan pendekatan yang lebih harmoni dengan kerjasama strategik bersama-sama Kementerian Perpaduan Negara.

Sekian, terima kasih.